



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 99/2025

KBS PERKUKUH TRANSISI KEPIMPINAN BELIA MENJELANG PENGUATKUASAAN PINDAAN AKTA 668 PADA 2026

30 NOVEMBER 2025

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) telah menganjurkan Sesi Libat Urus Pertubuhan Belia Peringkat Kebangsaan 2025 hari ini. Sesi Libat Urus ini merupakan sebuah inisiatif untuk **memperkukuh kefahaman dan kesiapsiagaan pertubuhan belia** menjelang pelaksanaan pindaan kepada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668] yang akan **berkuat kuasa bermula 01 Januari 2026**.
2. Acara yang merupakan kemuncak kepada 14 siri libat urus seluruh negara ini merupakan platform dialog yang konstruktif, perkongsian maklumat yang komprehensif serta penerangan terperinci mengenai keperluan undang-undang berkaitan pelaksanaan transisi umur kepimpinan belia. Seramai 600 pemimpin dan ahli pertubuhan belia telah terlibat dalam siri-siri libat urus yang dianjurkan.
3. Pelaksanaan transisi di bawah pindaan akta ini bukan sekadar perubahan teknikal, tetapi merupakan peralihan generasi yang signifikan. Peralihan ini membuka ruang yang lebih luas kepada pemimpin muda berusia bawah 30 tahun untuk menerajui pertubuhan belia serta memainkan peranan lebih besar dalam ekosistem kepimpinan negara.
4. Sehingga 30 November 2025, sebanyak **979 pertubuhan belia telah berjaya meminda perlembagaan masing-masing**. Data ROY turut menunjukkan bahawa seramai 53,307 pemimpin dan 546,651 ahli belia berumur bawah 30 tahun kini aktif dalam pertubuhan, sekaligus membuktikan kesediaan golongan belia untuk menerajui kepimpinan.

5. Bagi menggalakkan lebih banyak pertubuhan menyempurnakan proses pindaan dan pendaftaran baharu, **KBS akan mengecualikan semua fi pendaftaran pertubuhan belia baharu dan pindaan perlembagaan mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2027.** Langkah ini dijangka dapat meningkatkan kadar pematuhan dan merangsang penglibatan belia dalam pertubuhan yang berdaftar.
6. Selain aspek perundangan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) turut memperkukuh sokongan kepada pertubuhan belia melalui pelbagai skim geran dan bantuan, antara lain termasuk Geran Padanan Sukan (GPS), Dana Sukan Komuniti (DSK), Dana Pembangunan Belia dan Rakan Muda, Dana Antarabangsa Belia (IYF@KBS).
7. Inisiatif pembiayaan ini bertujuan memperkasa pelaksanaan program berpersatuan yang berperanan sebagai mekanisme pemeriksaan sosial, khususnya dalam membanteras isu seperti penyalahgunaan dadah, buli dan gejala jenayah dalam kalangan belia.
8. Program ini turut mendapat kerjasama strategik daripada Majlis Belia Malaysia (MBM), Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) serta agensi-agensi KBS yang lain.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

